

10/09/1999

Pas perlu bayar tunggakan hutang

Manzaidi Mohd Amin

TUMPAT, Khamis - Kerajaan Pas Kelantan perlu membayar hutang yang didakwa sebagai tunggakan terkumpul sejak pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohd Nazri Aziz, berkata Kerajaan Persekutuan tidak pernah menghapus pinjaman yang dibuat setiap kerajaan negeri, walaupun BN yang memerintah.

"Hutang tetap hutang dan ia wajib dibayar... tidak kiralah pemerintah itu dari BN atau sesiapa saja.

"Kalau Pas mendakwa perjuangan partinya berlandaskan Islam, tak usahlah pertikaikan soal siapa perlu bayar atau nak buat perbandingan dengan kerajaan terdahulu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihan raya Pemuda dan Wanita Umno Parlimen Tumpat, di sini, petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Kerajaan Kelantan pimpinan Pas yang meminta jasa baik Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tengku Razaleigh Hamzah, mempengaruhi Kerajaan Pusat menghapuskan baki hutangnya RM550 juta.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Husam Musa, berkata pihaknya berharap Tengku Razaleigh boleh memanfaatkan hubungan baik dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan soal itu.

Mohd Nazri yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, berkata beliau hairan kenapa Pas tiba-tiba berdolak dalik daripada melangsaikan hutang itu.

Katanya, sikap pemimpin Pas yang cuba berhujah dengan pelbagai alasan bagi mengelak membayar hutang itu cenderung kepada kebudak-budakan.

"Saya ingat dia (Pas) punya hujah terlalu kebudak-budakan, dia tak memahami perjalanan ekonomi negara, jadi apabila dia buat perbandingan seperti itu (mendakwa BN yang buat hutang), itu tak betul."

"Yang penting sebagai seorang Islam, dia kenalah bayar hutang. Lagipun, hutang mesti dibayar," katanya.

(END)